

Seruan Global untuk Meletakkan Warisan Budaya, Seni, dan Sektor Kreatif sebagai Paksi Tindakan Iklim

Proses untuk mengatur kempen Seruan Tindakan ini telah dilancarkan pada 28 September 2023 semasa KTT Warisan Budaya Eropah yang diadakan di Venice, Itali di Forum Hub Warisan Eropah "Mencipta Semula Antroposen: Meletakkan Budaya dan Warisan sebagai Paksi Tindakan Iklim".

Satu gerak langkah yang tegas bagi memobilisasi solusi kreatif dalam menangani krisis iklim.

Kami, yang bertandatangan, meminta kerajaan-kerajaan negara yang berpihak kepada Konvensyen Kerangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) dan Perjanjian Paris untuk mengambil keputusan 'Usaha Bersama mengenai Budaya dan Tindakan Iklim' (JWD) di COP.

Keputusan ini akan mencerminkan komitmen dari UNFCCC untuk memulakan proses konsultasi bagi memahami sumbangan penuh budaya - termasuk warisan budaya, bidang seni dan sektor kreatif - terhadap tindakan iklim. Proses ini akan mengkaji apakah tindakbalas iklim berteraskan budaya yang sedang dijalankan, di mana dan oleh siapa; berkongsi cadangan untuk mengembangkan penyelesaian berteraskan budaya; serta membantu memastikan bahawa budaya sepenuhnya disepadukan ke dalam usaha-usaha masa depan Konvensyen.

Budaya mempunyai kapasiti yang tiada bandingannya untuk memungkinkan perubahan.

Kepelbagaiannya budaya dunia menyentuh setiap orang, di mana-mana; merangkumi semua suara, perspektif dan peranti untuk menyampaikan keadaan genting, mencetuskan tindakan, dan memperjuangkan cara hidup yang mampan dan dipimpin adil. Melalui penyertaan budaya, penjagaan, dialog, pengalaman, naratif, dan hikayat; dan melalui imej, acara dan penawaran kreatif, budaya dapat mengilhami tindakan, terutamanya bila diperkuuhkan dengan rasa hormat terhadap hak-hak budaya.

Mengumpulkan daya nilai-nilai pelbagai budaya dan kaedah-kaedah memperolehi pengetahuan, pendidikan dan penceritaan, seni dan kraftangan, warisan yang ketara dan tidak ketara, serta reka bentuk dan kreativiti, seterusnya dapat membimbing dan mempertingkatkan tindakan tersebut untuk mewujudkan perubahan sistem

yang diperlukan untuk menangani krisis berkembar, iaitu krisis iklim dan krisis biodiversiti. Warisan yang ketara dan tidak ketara serta ilmu tradisional dapat meningkatkan dayatahan dan menawarkan teknologi dan penyelesaian yang telah teruji sepanjang masa, rendah karbon, bersifat kitaran dan regeneratif merentasi semua sektor, termasuk alam bina dan alam semula jadi, pertanian, tenaga, dan penjagaan habitat dan masyarakat.

Berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan bersama, iaitu solidariti, kepedulian dan rasa hormat, usaha bersama artis, aktivis kreatif, pereka, institusi budaya dan warisan serta masyarakat sivil yang menggabungkan profesional dan sukarelawan, serta sarjana dan pemegang kebijaksanaan leluhur, pengubah dasar yang makrifat, dan para masyarakat dan para penonton, untuk menentang paradigma dominan dan menawarkan visi dan contoh masa depan yang mampan, bebas dari kebergantungan pada bahan bakar fosil, memulihkan biodiversiti, dan memperjuangkan keadilan sosial.

Tindakan iklim berteraskan budaya mempromosi penyelesaian lokal untuk masalah universal, bagi mengisi kelompongan dalam perencanaan iklim terkini melalui strategi yang inklusif, bersandarkan hak asasi, spesifik kepada tempat, berorientasi permintaan, dan berpusatkan rakyat, dalam kerangka yang mengiktirifkan saling kebergantungan semua makhluk hidup.

Meskipun kurang penekannya pada peranan utama budaya dalam banyak dasar-dasar dan pendanaan iklim rasmi, suara-suara artistik dan warisan berada di garis depan usaha untuk melaksanakan transformasi tiga kali ganda (hijau, digital, dan sosial), mengejar laluan 1.5 darjah dan perubahan sistem. Namun, kurangnya pengiktirafan dasar formal menjaskan sumbangan utama budaya dan akhirnya keberkesanannya tindakan iklim global.

"Usaha Bersama" adalah proses yang sah di mana COP dapat meminta Sekretariat UNFCCC dan badan-badan subsidiarinya untuk bersama-sama menangani masalah kesenjangan kritikal – dalam hal ini persimpangan budaya dan tindakan iklim. Ini akan membuka jalan untuk pengamalan program kerja penting di COP berikutnya yang meletakkan budaya dan warisan di paksi dasar, perencanaan dan tindakan iklim.

Program kerja masa depan seperti itu akan meningkatkan perhatian terhadap syarat-syarat sosio-budaya yang mendayakan tindakan iklim transformatif dan mendukung mitigasi dan adaptasi yang lebih berkesan. Pada waktu yang sama, ia akan menangani masalah kritikal tentang kerugian dan kerosakan budaya dan warisan yang sudah diakui dalam Rencana Pelaksanaan Sharm El Sheikh yang diangkat di COP 27. Akhir sekali, ia akan mendukung usaha global untuk meletakkan budaya di paksi pembangunan mampan yang berdaya tahan iklim.

Menyepadukan suara budaya ke dalam dasar iklim antarabangsa akan meningkatkan pendekatan warisan, artistik dan kreatif yang dipimpin lokal bagi menawarkan penyelesaian yang dapat ditingkatkan skalanya untuk mengatasi krisis

iklim. Ini juga akan lebih mendukung usaha Orang Asli yang telah lama memperjuangkan budaya perawatan untuk "Mother Earth". Secara keseluruhan, ia akan mendayakan masyarakat budaya global, yang kaya dan beranikaragam, untuk bertindak dengan satu suara yang jelas dan bersatu, sehingga memobilisasikan jaringan global advokat budaya, warisan, artistik dan kreatif, masyarakat civil, institusi dan pertubuhan awam di semua tingkat untuk mendukung UNFCCC dalam misinya yang penting.

Untuk menangani perubahan iklim, kita harus melancarkan kuasa transformatif budaya - meliputi seni dan warisan - untuk membantu orang ramai supaya dapat membayangkan dan melahirkan masa depan yang rendah karbon, berdaya tahan iklim dan adil.

Kami, yang bertandatangan, bersama-sama menyeru agar perwakilan pada Persidangan Iklim PBB mengambil keputusan untuk Usaha Bersama bagi memastikan dunia berada di landasan pengiktirafan budaya sebagai paksi yang amat diperlukan untuk tindakan iklim yang lebih berkesan dan lebih adil.

Tamat